



PASUKAN kayak UMSKAL selepas menyertai Cabaran Kayak Mengelilingi Pulau Labuan 2014 di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

UMSKAL raih 10 tempat terbaik cabaran kayak

UB 30.4.2014 A14

LABUAN: Pasukan kayak Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menduduki 10 tempat terbaik pada Cabaran Kayak Mengelilingi Pulau Labuan sempena Cabaran Sukan Laut Antarabangsa Labuan (LISC) 2014.

Pasangan campuran, Rizalman Judin dan Siti Fairus Rosman menduduki tempat ke-8 manakala Mohd Nazri Suin dan Sharin Puasa di tempat ke-9.

Dengan kemenangan itu, pasangan Rizalman meraih RM800, medal dan sijil penyertaan manakala Mohd

Nazri memenangi RM700, medal dan sijil penyertaan.

Dalam kategori yang sama, pasangan Noor Maziz @ Sabtu dan Ng Jie Er menduduki tempat ke-10 untuk membawa pulang hadiah RM600, medal dan sijil penyertaan.

Sementara itu, dalam kategori beregu lelaki, pasangan Carex Romex Jolin dan Chia Jun Voon menduduki tempat ke-15 manakala Clare Nattey Gansoidan George Lim Kien Peng tidak menamatkan perlumbaan.

Pengurus pasukan, Ak. Azanul Azhar Pg.

Arshad yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang berjaya menyaingi peserta dari dalam dan luar negara.

Katanya, semua peserta telah menjalani latihan pada setiap minggu ke Pulau Kuraman bukan sahaja untuk menghadapi LICS tetapi juga pertandingan lain.

Ahli Parliment Labuan, Datuk Rozman Isli yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan menyampaikan hadiah kepada pemenang.